

NGV bagus, tetapi kerajaan perlu main peranan

Silver 10/2/14 MS2

Sejak harga petrol naik, September tahun lalu, sudah beberapa kali kita mendengar khabar angin harga petrol RON95 akan naik lagi.

Setiap kali itu juga, ramai orang melenting, kemudian kembali tenang apabila mengetahui spekulasi itu tidak benar.

Namun, semua orang perlu tahu, kenaikan harga petrol, atau lebih tepat lagi penarikan semula subsidi petrol, tidak akan berhenti pada RM2.10 seliter.

Hakikatnya, dalam perjalanan menjadi negara maju, lebih banyak subsidi akan ditarik semula di Malaysia.

Ramai orang terutama yang berpendapatan rendah marah dengan penarikan semula subsidi petrol oleh kerajaan.

Siapa boleh nafikan, petrol antara perbelanjaan terbesar dalam kehidupan seharian, belum lagi dicampur dengan harga barangan yang naik disebabkan kenaikan harga petrol.

Sebagai alternatif untuk



Seorang pemandu teksi sedang mengisi NGV di Batu Caves.

HARGA BAHAN API DI MALAYSIA

NGV	RM 0.68/liter
Petrol (RON97)	RM 2.85/liter
Petrol (RON95)	RM 2.10/liter
Diesel	RM 2.00/liter

INFO ANGKA

- Sehingga hari ini, terdapat anggaran 50,000 hingga 60,000 pengguna sistem NGV di Malaysia.
- Hanya 45 buah bengkel NGV berdaftar secara sah di seluruh negara.

mengurangkan perbelanjaan petrol, ada pihak mencadangkan penggunaan gas asli (NGV) diperluas dan dipertingkatkan.

Pakar ekonomi menyifatkan penggunaan NGV mampu menjadikan ekonomi dan persekitaran lebih baik, malah dilihat sebagai salah satu langkah terbaik untuk mengurangkan perbelanjaan negara selepas kerajaan mengumumkan pengurangan subsidi bahan api.

Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Perniagaan Universiti Teknologi Mara Dr Baayah Baba berkata, penggunaan NGV bukan sahaja memberi faedah ekonomi kepada rakyat, bahkan mampu

menjadikan alam sekitar lebih bersih.

“Salah satu kelebihan menggunakan NGV adalah ia memelihara alam sekitar. Persekitaran yang bersih mampu memberi kesihatan yang baik kepada rakyat sekaligus membantu meningkatkan produktiviti pekerja,” katanya.

Tetapi, katanya, perkhidmatan NGV di negara ini tidak meluas malah tidak semua stesen minyak menawarkannya selain kos pemasangan yang mahal.

“Jika ada pun stesen yang menyediakan NGV, tumpuan lebih banyak di kawasan bandar. Namun pengguna tetap perlu beratur panjang.

“Kekangan seperti inilah menyebabkan orang ramai memilih menggunakan petrol dan diesel,” katanya.

Beliau juga berpendapat kerajaan harus mempertimbang untuk menurunkan kadar cukai jalan kepada mereka yang menggunakan NGV.

“Insentif juga boleh diberikan kepada syarikat atau kenderaan pengangkutan komersial yang menggunakan NGV, sekali gus tiada sebab untuk mereka menaikkan tambang pengangkutan dan ini amat membantu rakyat, selain menambah bilangan stesen minyak yang menawarkan NGV,” katanya.

Rakyat tetap tanggung kos perbelanjaan

SEBALIKNYA, bagi Pensyarah Ekonomi Universiti Utara Malaysia Profesor Amir Baharuddin, sama ada pengguna memilih menggunakan NGV atau tidak, ia tetap memberi beban kewangan kepada rakyat berpendapatan rendah.

"Rakyat tetap perlu menanggung kos pemasangan sistem NGV yang kita tahu bukan sedikit tetapi melebihi RM3,000, bergantung kepada jenis kenderaan.

"Sekali lagi rakyat akan terbeban kerana kos pemasangan tetap perlu dikeluarkan.

"Dalam hal ini, ia hanya menguntungkan pengusaha bengkel berkenaan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan perlu lebih serius membangunkan perkhidmatan NGV jika mahu memberi faedah yang banyak kepada rakyat.

Menurutnya, penggunaan NGV sebagai alternatif kepada petrol hanya akan berkesan jika kerajaan mengambil beberapa langkah penting seperti menambah stesen NGV dan memberi



Pengguna NGV, yang kebanyakannya terdiri daripada pemilik teksi sedang beratur menunggu giliran untuk mengisi gas asli itu.

bantuan untuk pemasangan sistem itu.

Sehingga kini, terdapat kira-kira 150 stesen NGV di seluruh negara dan menurut Amir, angka tersebut masih tidak mampu menampung jumlah pengguna NGV.

"Sebagai langkah utama, stesen NGV

perlu ditambah dan perkhidmatannya perlu dipertingkatkan. Kerajaan perlu memandang serius perkara ini terutama dalam membangunkan perkhidmatan NGV. Dasar kerajaan yang melibatkan NGV juga perlu diteliti," katanya.

Bagaimanapun, Amir berkata, untuk

menjimatkan perbelanjaan petrol, negara tidak semestinya memberi tumpuan kepada pembangunan perkhidmatan NGV semata-mata.

"Kerajaan bersama sektor berkaitan harus bertindak lebih serius dalam membantu rakyat terutama yang berpendapatan rendah dalam usaha mengurangkan perbelanjaan harian selepas kenaikan bahan api diumumkan.

"Kerajaan perlu terus memberikan subsidi bahan api kepada rakyat.

"Pada masa sama, sistem penjadualan pengangkutan awam seperti perkhidmatan bas antara bandar atau bas henti-henti termasuk bas ekspres harus diperbetulkan, terutama di kawasan luar bandar seperti di kampung dan pekan kecil," katanya.

Amir turut mencadangkan kerajaan menampung kos pemasangan sistem NGV kepada rakyat yang layak melalui baucar serupa dengan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BRIM).